KEMENTERIAN TENAGA DAN SUMBER ASLI

KERATAN SURAT KHABAR

SURAT KHABAR	:	BERITA HARIAN			
TARIKH	:	7.05.22	MUKA SURAT	:	18
JABATAN	:	JPSM			

Sabtu, 7 Mei 2022 BH

Cubaan pindah 65 kayu bergergaji tidak berjaya

Bentong: Cubaan memindahkan 65 kayu bergergaji pelbagai saiz pada hari raya ketiga, Rabu lalu di Hutan Simpan Kemasul Tambahan Bentong, di sini, tidak berhasil apabila terlebih dahulu dikesan pihak berkuasa.

Hasil aduan awam, 12 anggota Unit Penguat Kuasa Barat (UPKB) Jabatan Perhutanan Negeri Pahang (JPNP) dan Pejabat Hutan Daerah (PHD) Bentong menyerbu kawasan di Kompartmen Tiga hutan simpan berkenaan dan menemui beberapa longgok kayu bergergaji yang dipercayai untuk dijadikan tiang pagar kebun.

Ketua Penolong Pengarah (Penguat Kuasa) Jabatan Perhutanan Negeri Pahang (JPNP), Nor Azirim Ahmad, berkata hasil pemeriksaan di kawasan berkenaan menemui tiga tunggul pokok balak jenis Meranti yang dipercayai ditebang oleh pihak tidak bertanggungjawab.

Katanya, aktiviti terbabit dipercayai dilakukan tiga individu tempatan yang mahir dan berpengalaman menghasilkan kayu bergergaji untuk dijadikan tiang pagar kebun selain membina rumah.

"Kita anggarkan harga 65 batang tiang pagar yang ditemui antara RM3,000 hingga RM4,000 mengikut harga semasa dan jenis kayu.

"Saya tidak menolak kemungkinan aktiviti menghasilkan tiang pagar kebun oleh pihak tidak bertanggungjawab berikutan permintaan yang menggalakkan daripada masyarakat setempat," katanya, di sini, semalam.

Beliau berkata, individu yang menceroboh hutan simpan, menebang pokok dan membelah balak dipercayai menjadikan hari raya ketiga untuk mereka melakukan kegiatan salah itu, dengan menganggap pihak berkuasa JPNP tidak bertugas.

Nor Azirim berkata, ternyata ramalan mereka itu silap apabila hasil aduan awam, serbuan dilakukan tanpa mengira masa dan lokasi.

Katanya, walaupun hari raya tugas tetap dijalankan bagi memastikan hasil hutan tidak mudah dipindahkan tanpa kebenaran.

"Kita akan berusaha mengesan individu yang terbabit dengan kegiatan menceroboh Hutan Simpan Kemasul Tambahan Bentong, sabit kesalahan mereka boleh didakwa dibawah Akta Perhutanan Negara 1984.

"Kita tidak akan berkompromi dengan pihak yang melakukan kesalahan hutan kerana ia bukan sahaja menjejaskan alam sekitar tetapi juga merugikan kerajaan negeri," katanya.

Beliau berkata, masyarakat setempat diharap dapat memberi kerjasama dengan memberi maklumat sebarang aktiviti menceroboh hutan simpan dan memindahkan hasil hutan tanpa kebenaran.



Tunggul pokok Meranti yang ditebang secara haram di Hutan Simpan Kemasul Tambahan Bentong. (Foto Mohd Rafi Mamat/BH)